

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13 JUNE 2016

Tun M wajar tutup mulut

BH - 13/6/2016

→ TPM nasihatkan bekas PM jangan terus bercakap mengenai orang lain

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim dan Shamsul Kamal Amarudin
bhnews@bh.com.my

▀ Kuala Kangsar

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, lebih baik Tun Dr Mahathir Mohamad menutup mulutnya daripada bercakap mengenai orang lain.

Timbalan Perdana Menteri khawatir jika Dr Mahathir terus bersuara, orang akan berkata bekas Perdana Menteri itu sudah nyanyuk.

"Elok tutup (mulut) sebelum orang cakap dia nyanyuk," katanya pada sidang media selepas mendengar taklimat Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengenai Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kuala Kangsar di Markas Tektikal (MARTEK) PDRM, di sini semalam.

Ketika berucap pada program sempena Ramadan di Masjid Al-Hasimiah, Kampung Talang kemudian, Timbalan Perdana Menteri menasihatkan umat Islam di negara ini mencontohi budaya masyarakat Madinah, khususnya kaum Ansar yang sentiasa mengimarahkan masjid dan berbuat baik kepada musafir.

"PRK Kuala Kangsar dan Sungai Besar yang diadakan ketika

Fakta nombor

312
PEMILIH

berdaftar bagi Parlimen Kuala Kangsar, kebanyakannya anggota polis layak mengundi awal pada 14 Jun ini

32,949
PENGUNDI

berdaftar di Parlimen Kuala Kangsar

Ramadan boleh menjadi pemangkin usaha mencontohi budaya itu, termasuk di luar bulan puasa. Tiga perkara boleh kita contohi ialah menerima kehadiran musafir, menjamu mereka berbuka puasa dan mengimarahkan masjid," katanya.

Diperguna pembangkang

Sementara itu, Pengarah Komunikasi Strategik BN, Datuk Abdul Rahman Dahlan ketika ditemui pemberita selepas program Komuniti 3R Kuala di Rancangan Perumahan Awam Fasa 4, berkata beliau amat sedih dan kasihan melihat Dr Mahathir dipergunakan pembangkang.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu berkata, bekas Perdana Menteri seolah-olah tidak sedar dirinya dipergunakan pembangkang apabila sanggup bersekongkol dengan Parti Amanah Negara dan DAP untuk menentang kerajaan BN dan UMNO.

"Tahap ini, tiada lagi perasaan marah, cuma sedih dan kasihan kerana seorang negarawan yang disanjung selama ini membuat pusingan 180 darjah bekerjasama dengan pembangkang. Semua tahu Tun hanya dipergunakan pihak berkenaan untuk kepentingan mereka," katanya.